


PELAN ANTIRASUAH

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

2023 - 2027






PELAN ANTIRASUAH

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

2023 - 2027



ISI KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF INSKEN	5
RINGKASAN EKSEKUTIF	7
BAB 1 – PENGENALAN	
LATAR BELAKANG INSKEN	11
VISI, MISI DAN NILAI-NILAI INSKEN	12
DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS	14
PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS INSKEN	15
ISU DAN CABARAN	16
PENILAIAN RISIKO	18
BIDANG KEUTAMAAN	19
BAB 2 – PENGUKUHAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH	
VISI, MISI DAN MATLAMAT PELAN ANTIRASUAH INSKEN	21
BIDANG KEUTAMAAN & STRATEGI	22
STRATEGI, OBJEKTIF DAN INISIATIF PELAN ANTIRASUAH INSKEN	23
BAB 3 – KESIMPULAN DAN PENGHARGAAN	

**KATA ALUAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF INSKEN**



**YBRS. ENCIK MUHD FIRDAUS
BIN AZHARUDDIN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, INSKEN telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi atau Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 2023 – 2027 Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN). Pelan yang telah dibangunkan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) ini merupakan bukti kepada keseriusan INSKEN dalam memastikan INSKEN sentiasa bersih dan bebas daripada sebarang gejala rasuah, dan salah guna kuasa yang boleh memberi imej dan persepsi buruk kepada INSKEN.

Komitmen INSKEN dalam membangunkan pelan ini merupakan satu tanda bahawa INSKEN bersedia untuk menyahut seruan, dan hasrat kerajaan dalam membangunkan organisasi yang bersih dan bebas rasuah. Sebagai sebuah agensi di KUSKOP, INSKEN akan sentiasa menyokong dan melaksanakan usaha-usaha pengukuhan integriti, governans dan antirasuah di organisasi, selaras dengan dasar kerajaan untuk memantapkan integriti penjawat awam dengan pengamalan tadbir urus yang baik di semua agensi kerajaan.

Inisiatif-inisiatif yang ditetapkan dalam pelan ini merupakan usaha yang telah dikenalpasti secara kolektif dalam menangani risiko rasuah, ruang serta peluang berlakunya gejala tersebut di INSKEN.

Bagi memastikan kejayaan OACP INSKEN ini, warga INSKEN hendaklah bersama-sama berganding bahu dan bertekad untuk memastikan inisiatif-inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan telus, penuh bertanggungjawab dan berintegriti. Di samping itu, dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif tersebut, adalah menjadi harapan INSKEN untuk melahirkan warganya yang lebih menghayati, dan membudayakan integriti dalam membentuk sebuah organisasi ulung, bebas rasuah di Malaysia dan di mata dunia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diberikan kepada Ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP INSKEN yang terlibat dalam membangunkan OACP INSKEN 2023 – 2027 ini. Semoga OACP yang komprehensif ini dapat membantu Warga INSKEN menjadikannya panduan ke arah mencapai organisasi yang bebas rasuah.

Ketua Pegawai Eksekutif INSKEN

Fighting Corruption Is Not One-Night Affair -Olusegun Obasanjo



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah INSKEN 2023 - 2027 ini adalah berpandukan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) melalui Arahan YAB Perdana Menteri, No. 1 Tahun 2018 Siri 2, dan No.1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelan Antirasuah Organisasi. Perkara ini juga telah dinyatakan di dalam Pelan Antirasuah Nasional (2019 - 2023) di bawah Strategi 6, perkara 6.2.1 yang mewajibkan semua badan berkanun membangunkan OACP dengan bantuan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).




BAB 1

Menerangkan latar belakang INSKEN dan beberapa langkah yang telah diambil melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, yang memberi fokus kepada usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah di INSKEN. OACP telah menjadi satu inisiatif buat agensi bagi meneruskan usaha ke arah membentuk Warga INSKEN yang berintegriti.

BAB 2

Menumpukan kepada senario rasuah yang mungkin berlaku di masa hadapan. Bengkel Pembangunan OACP telah dilaksanakan dengan bantuan dari Institut Integriti Malaysia (IIM) bagi memberi panduan dan halatuju pembangunan Pelan ini. Hasilnya empat (4) bidang utama telah digariskan dalam pelan ini.



INTEGRITI

**Kejujuran,
ketelusan,
kesempurnaan
dan keutuhan**

Kamus Dewan, Edisi 2000

BAB 3

Ringkasan pada keseluruhan pelaksanaan OACP INSKEN dan hasrat menjadikan INSKEN sebagai sebuah organisasi yang progresif, berdaya maju dan bebas rasuah.

A watercolor illustration of a hand holding a stack of money. The hand is rendered in soft, blended colors of pink, purple, and blue. The money is depicted as a stack of bills, with some details visible. A semi-transparent white text box is overlaid on the center of the image, containing the quote.

INTEGRITY is doing
the right thing. Even
no one is watching.

-C.S Lewis




BAB 1: PENGENALAN

MENGENAI INSKEN

INSKEN merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menawarkan inisiatif untuk membangunkan kapasiti usahawan melalui program-program latihan dan bimbingan.

Selaras dengan tagline “Memperkasa Usahawan Hari Esok”, INSKEN memastikan program-program yang dianjurkan adalah berdasarkan kepada keperluan dan permintaan industri dengan kerjasama pengamal industri, golongan profesional dan agensi-agensi kerajaan bagi memantapkan ekosistem keusahawanan negara.

- Ditubuhkan pada tahun 2004 di bawah MECD dan dipindahkan ke MITI pada tahun 2009.
- Pada tahun 2014, INSKEN dipindahkan ke TERAJU dan ditubuhkan sebagai CLBG.
- Bermula tahun 2018, INSKEN dikawal selia oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)



MENGENAI INSKEN



Merealisasikan negara keusahawanan melalui ekosistem pembangunan bersepadu dan berpaksikan keberhasilan



MISI





DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembersihan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Selaras dengan agenda ini, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.



PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS INSKEN

INSKEN sentiasa menyokong usaha Kerajaan dalam membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa. Sehubungan itu, INSKEN telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional dengan membangunkan nilai teras INSKEN iaitu Ikrar Integriti INSKEN, Ikrar Bebas Rasuah (IBR), Pelan Integriti INSKEN, Polisi Tiada Hadiah, Polisi Pemberi Maklumat dan yang terkini Pelan Antirasuah INSKEN 2023 - 2027.



ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu, yang memberi atau menerima rasuah. Selain dari perbuatan yang jelas, memberi dan menerima sogokan, memberi sokongan (yang tidak sepatutnya diberi) melalui salah guna kuasa atau campur tangan dengan bermotifkan pada tujuan yang salah, juga boleh dianggap sebagai rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang:

TADBIR URUS

- Peruntukan undang-undang (Akta) yang lapuk/tidak lagi sesuai, ia menjerus kepada kelemahan penguatkuasaan; dan
- Kelemahan pengurusan maklumat, dan proses kerja yang tidak teratur

KECEKAPAN

- Kelemahan dalam membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tepat dan betul;
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan masanya menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap; dan
- Penguatkuasaan yang lemah

INTEGRITI

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas;
- Kebocoran maklumat berperingkat;
- Wujudnya ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah dan pelanggaran integriti semasa melaksanakan tugas; dan
- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan

ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Kesan-Kesan Rasuah Terhadap Penjawat Awam Dan Negara



Mengancam keselamatan negara melalui pembocoran maklumat berperingkat;



Membahayakan nyawa akibat penggunaan bahan binaan yang kurang berkualiti;



Mengakibatkan kelemahan penguatkuasaan undang-undang;



Memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara; dan



Ketidakadilan sosial yang boleh membawa kepada penindasan dan menafikan hak ke atas golongan tertentu

PENILAIAN RISIKO

INSKEN telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah bagi mengenalpasti risiko-risiko yang berkaitan governans, integriti dan antirasuah di INSKEN, yang boleh menjejaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:



Mengenalpasti risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa Bengkel Pembangunan OACP



Data-data dalam organisasi seperti aduan, kes tatatertib dan laporan audit dalaman, kajian kepuasan pelanggan.




Data-data daripada agensi luar seperti, Laporan Ketua Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Biro Pengaduan Awam (BPA).

BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, terdapat empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di INSKEN telah dikenalpasti iaitu:





**BAB 2: PENGUKUHAN
TADBIR URUS, INTEGRITI
DAN ANTIRASUAH INSKEN**

KERANGKA UTAMA PELAN ANTIRASUAH INSKEN

VISI

- Mewujudkan Warga Kerja INSKEN yang mengamal budaya kerja yang unggul dengan moral dan etika yang kukuh

MISI

- Memperkasa serta memperkukuhkan governans, integriti dan anti-rasuah Warga INSKEN
- Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus yang baik dan membudayakan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan Warga INSKEN
- Menzahirkan Warga INSKEN supaya menolak amalan rasuah dengan mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti
- Memperkemas jati diri dikalangan kakitangan bagi memastikan ketelusan dan integrity, dalam mewujudkan persekitaran bebas rasuah
- Menjadikan Warga Kerja INSKEN bebas rasuah dan salah laku
- Meningkatkan integriti bagi membendung salah laku dan jenayah rasuah

MATLAMAT

- Membudayakan amalan integriti dalam menyampaikan perkhidmatan di INSKEN
- Membangunkan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas dari salah laku bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, amanah dan berintegriti



PELAN ANTIRASUAH INSKEN 2023 – 2027



INISIATIF

8 Jangka Pendek
(1 – 2 tahun)



13 Jangka Panjang
(3 – 5 tahun)



TADBIR URUS

BIL.	BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF	RISIKO	INISIATIF
1	TADBIR URUS	Memperkasakan Ketelusan Tadbir Urus INSKEN Berdasarkan Garis Panduan & Pekeliling Yang Setanding Dengan Negara Maju	OBJEKTIF 1: Memperkuhk an Budaya Integriti Di Kalangan Pegawai Dan Pengurusan Atasan	2	4
			OBJEKTIF 2: Memperkasak an Pihak Penguasa Dan Tadbir Urus INSKEN Bagi Mencegah Campur Tangan Pihak Ketiga	2	4
JUMLAH				4	8

BIDANG KEUTAMAAN		Tadbir Urus			
STRATEGI		Memperkasakan Ketelusan Tadbir Urus INSKEN Berdasarkan Garis Panduan & Pekeliling Yang Setanding Dengan Negara Maju			
OBJEKTIF		1	Memperkuhkan Budaya Integriti Di Kalangan Pegawai Dan Pengurusan Atasan		
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Kegagalan pegawai dalam mematuhi prosedur, menerima aduan dan 'No Gift Policy'	i.	Penambahbaikan Polisi 'Internal Whistle Blowing (IWB)' dan Prosedur Sumber Manusia sedia ada	Unit Sumber Manusia & Integriti	3 Tahun (2023-2025)
		ii.	Melaksanakan program kesedaran dan pendedahan berkenaan Polisi 'Internal Whistle Blowing (IWB)' dan Prosedur Sumber Manusia kepada kakitangan secara berkala	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 Tahun (2023-2027)
2	Pegawai membocorkan maklumat sulit INSKEN dan memaklumkan berkenaan usahawan/peserta yang mendaftar	i.	Penambahbaikan sistem aduan yang sedia ada	Unit Sumber Manusia & Integriti	3 Tahun (2023-2025)
		ii.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 Tahun (2023-2027)

BIDANG KEUTAMAAN		Tadbir Urus			
STRATEGI		Memperkasakan Ketelusan Tadbir Urus INSKEN Berdasarkan Garis Panduan & Pekeliling Yang Setanding Dengan Negara Maju			
OBJEKTIF		2	Memperkasakan Penguasa Dan Tadbir Urus INSKEN Bagi Mencegah Campur Tangan Pihak Ketiga		
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Penyalahgunaan kuasa dan campur tangan pihak pengurusan dalam proses penguatkuasaan dan pematuhan kepada tatacara INSKEN	i.	Penambahbaikan Polisi 'Internal Whistle Blowing (IWB)' dan Prosedur Sumber Manusia yang sedia ada	Unit Sumber Manusia & Integriti	3 Tahun (2023-2025)
		ii.	Melaksanakan program kesedaran dan pemahaman berkenaan Polisi 'Internal Whistle Blowing (IWB)' dan Prosedur Sumber Manusia kepada kakitangan secara berkala	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 Tahun (2023-2027)
2	Pegawai mempunyai konflik berkepentingan dengan pihak media bagi mendapatkan liputan media yang berterusan atau secara percuma.	i.	Meningkatkan mekanisme pemantauan untuk penyelia dalam Prosedur Sumber Manusia	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 Tahun (2023-2027)
		ii.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 Tahun (2023-2027)



PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA

BIL.	BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF	RISIKO	INISIATIF
2	PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA	Mempertingkatkan Kredibiliti Sistem Pentadbiran dan Sumber Manusia	OBJEKTIF 1: Meningkatkan Ketelusan dan Integriti dalam Proses Pengambilan, Pemilihan, Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Pemindahan	1	4
			OBJEKTIF 2: Mengukuhkan Prosedur Penggajian	1	3
			OBJEKTIF 3: Mengukuhkan Kerangka Pentadbiran Awam	2	6
JUMLAH				4	13

BIDANG KEUTAMAAN		Pentadbiran & Sumber Manusia			
STRATEGI		Mempertingkatkan Kredibiliti Sistem Pentadbiran dan Sumber Manusia			
OBJEKTIF		1	Meningkatkan Ketelusan dan Integriti dalam Proses Pengambilan, Pemilihan, Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Pemindahan		
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Penyalahgunaan kuasa, campur tangan pihak ketiga dalam pelantikan dan pemberhentian kakitangan	i.	Penambahbaikan dan meningkatkan penguatkuasaan prosedur dan garis panduan dalam pelantikan dan pemberhentian kakitangan	Unit Sumber Manusia & Integriti	2 tahun (2023 - 2024)
		ii.	Melaksanakan Program Kesedaran Integriti secara berperingkat di dalam organisasi	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
		iii.	Melaksanakan program kesedaran dan pendedahan berkenaan Polisi 'Internal Whistle Blowing (IWB)' dan Prosedur Sumber Manusia kepada kakitangan	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
		iv.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)

BIDANG KEUTAMAAN		Pentadbiran & Sumber Manusia			
STRATEGI		Meningkatkan Kredibiliti Sistem Pentadbiran dan Sumber Manusia			
OBJEKTIF		2	Mengukuhkan Prosedur Penggajian		
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Penyalahgunaan tuntutan bekerja lebih masa oleh kakitangan	i.	Meningkatkan pengawasan dalam meluluskan tuntutan bekerja lebih masa	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
		ii.	Melaksanakan Program Kesedaran Integriti secara berperingkat di dalam organisasi	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
		iii.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)

BIDANG KEUTAMAAN		Pentadbiran & Sumber Manusia			
STRATEGI		Meningkatkan Kredibiliti Sistem Pentadbiran dan Sumber Manusia			
OBJEKTIF		4	Mengukuhkan Kerangka Pentadbiran Awam		
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Penyalahgunaan Aset oleh Pegawai	i.	Mewujudkan Polisi dan Prosedur Pengurusan Aset secara terperinci	Unit Perolehan	2 tahun (2023-2024)
		ii.	Melaksanakan pengawasan dalam proses pengurusan aset secara berkala	Unit Perolehan	5 tahun (2023-2027)
2	Kecuaian pegawai dalam membocorkan Rekod dan Dokumen sulit INSKEN	i.	Penambahbaikan sistem simpanan fail yang bersistematik	Unit Pentadbiran	3 tahun (2023-2025)
		ii.	Meningkatkan pemantauan dalam proses pengurusan data dan rekod secara berkala	Unit Pentadbiran	5 tahun (2023-2027)
		iii.	Melaksanakan Program Kesedaran Integriti secara berperingkat di dalam organisasi	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023-2027)
		iv.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023-2027)

A colorful illustration of a stone wall. The wall is composed of light-colored, rectangular stones. On the left side, there is a window with horizontal blinds. The blinds are partially open, revealing a view of green foliage. Above the window, there is a sign with the word 'KAWAN' written in blue and purple letters. The sign is mounted on a white rectangular base. The overall style is a vibrant, hand-drawn illustration with a focus on texture and color.

PEROLEHAN & KEWANGAN

BIL.	BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF	RISIKO	INISIATIF
3	PEROLEHAN DAN KEWANGAN	Memperkasakan Pematuhan Kepada Peraturan Kewangan dan Perolehan Dalam Semua Urusan INSKEN	OBJEKTIF 1: Penambahbaikan kerangka pengurusan kewangan dan perolehan	1	2
			OBJEKTIF 2: Meningkatkan ketelusan di dalam perolehan awam dan pengurusan kewangan	7	15
			OBJEKTIF 3: Memperkukuhkan pemahaman dan pelaksanaan tugas mengikut polisi dan prosedur kerja	1	3
JUMLAH				9	20

BIDANG KEUTAMAAN		Perolehan & Kewangan			
STRATEGI		Memperkasakan Pematuhan Kepada Peraturan Kewangan dan Perolehan Dalam Semua Urusan INSKEN			
OBJEKTIF		1	Penambahbaikan kerangka pengurusan kewangan dan perolehan		
BIL.	RISIKO		INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Kegagalan pegawai dalam mematuhi syarat, terma dan garis panduan pembayaran	i.	Penambahbaikan senarai semakan penerimaan dokumen	Unit Kewangan	2 tahun (2023 - 2024)
		ii.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)

BIDANG KEUTAMAAN		Perolehan & Kewangan		
STRATEGI		Memperkasakan Pematuhan Kepada Peraturan Kewangan dan Perolehan Dalam Semua Urusan INSKEN		
OBJEKTIF	2	Meningkatkan ketelusan di dalam perolehan awam dan pengurusan kewangan		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Penyelewengan oleh Pegawai dengan menggunakan atau meminjam wang "Petty Cash" untuk kegunaan peribadi	i. Mengadakan Program Pengurusan Kewangan bersama AKPK	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
		ii. Menggalakkan pegawai untuk membuka akaun bank berasingan	Unit Kewangan	5 tahun (2023 - 2027)
2	Penyalahgunaan kuasa oleh Pegawai dalam pelantikan vendor	i. Penambahbaikan Prosedur Perolehan dan mewujudkan mekanisme pemantauan untuk proses pelantikan vendor	Unit Perolehan	2 tahun (2023 - 2024)
		ii. Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
3	Pegawai menerima rasuah untuk meluluskan perantikan terus vendor	i. Memperkasa Prosedur Perolehan dengan menambah justifikasi pengambilan secara terus	Unit Perolehan	2 tahun (2023 - 2024)
		ii. Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)

4	Pegawai memalsukan dokumen Perolehan	i.	Penambahbaikan Prosedur Perolehan dengan mewujudkan mekanisme 'Due Diligence' atau Audit dalam proses perolehan	Unit Perolehan	2 tahun (2023 - 2024)
		ii.	Mengenenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
5	Pakatan diantara pegawai dan vendor untuk memalsukan penerimaan barang	i.	Mewujudkan mekanisme semakan silang dalam proses penerimaan barangan	Unit Perolehan	1 tahun (2023)
		ii.	Mengenenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
6	Pegawai membuat tuntutan palsu terhadap barang yang dibeli	i.	Mewujudkan mekanisme semakan silang dalam proses tuntutan	Unit Kewangan	1 tahun (2023)
		ii.	Melaksanakan Program Kesedaran Integriti secara berperingkat di dalam organisasi	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
		iii.	Mengenenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
7	Pegawai memalsukan rekod bayaran yang diterima dari rakan kolaborasi	i.	Mewujudkan mekanisma pemantauan dalam proses penerimaan hasil	Jabatan Latihan	1 tahun (2023)
		ii.	Mengenenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)

BIDANG KEUTAMAAN		Perolehan & Kewangan			
STRATEGI		Memperkasakan Pematuhan Kepada Peraturan Kewangan dan Perolehan Dalam Semua Urusan INSKEN			
OBJEKTIF		3	Meningkatkan pemahaman dan pelaksanaan tugas mengikut polisi dan prosedur kerja		
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Kegagalan pegawai dalam mematuhi terma dan tatacara pembayaran	i.	Penambahbaikan senarai semakan penerimaan barang atau perkhidmatan	Unit Perolehan	1 tahun (2023)
		ii.	Melaksanakan Program Kesedaran Integriti secara berperingkat di dalam organisasi	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
		iii.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)



OPERASI

BIL.	BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF	RISIKO	INISIATIF
4	OPERASI	Meningkatkan Kecekapan & Keberkesanan Perkhidmatan Dalam Operasi Harian Organisasi	OBJEKTIF 1: Memastikan Ketelusan Dan Amalan Nilai Integriti dalam Operasi Harian Organisasi	2	4
			OBJEKTIF 2: Memperkasakan Mekanisme Kawalan ke atas Pengurusan Maklumat bagi Meminimumkan Ketirisan dan Data yang meragukan	1	2
JUMLAH				3	6

BIDANG KEUTAMAAN		Operasi			
STRATEGI		Meningkatkan Kecekapan & Keberkesanan Perkhidmatan Dalam Operasi Harian Organisasi			
OBJEKTIF		1	Memastikan Ketelusan Dan Mengamal Nilai Integriti dalam Operasi Harian Organisasi		
BIL	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Pegawai yang menerima rasuah atau pemberian habuan atau hadiah daripada pihak ketiga bagi menjalankan program untuk kepentingan peribadi	i.	Memperkuhkan garis panduan dalam penganjuran program dengan mewujudkan mekanisma pemantauan dalam pelantikan pihak ketiga	Jabatan Latihan & Jabatan Bimbingan	3 tahun (2023 - 2025)
		ii.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)
2	Pegawai yang menerima rasuah dalam meluluskan modul latihan yang tidak mencapai standard untuk kepentingan peribadi	i.	Memperkuhkan garis panduan dalam penganjuran program dengan mewujudkan mekanisma pemantauan dalam pelantikan penyedia perkhidmatan	Jabatan Latihan & Jabatan Bimbingan	3 tahun (2023 - 2025)
		ii.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)

BIDANG KEUTAMAAN		Operasi			
STRATEGI		Meningkatkan Kecekapan & Keberkesanan Perkhidmatan Dalam Operasi Harian Organisasi			
OBJEKTIF		2	Mengukuhkan Mekanisme Kawalan ke atas Pengurusan Maklumat bagi Meminimumkan Ketirisan dan Data yang Meragukan		
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Pegawai gagal mematuhi kriteria yang ditetapkan dalam proses pemilihan peserta program	i.	Penambahbaikan garis panduan penganjuran program dengan mewujudkan mekanisma pemantauan dalam proses pemilihan peserta program	Jabatan Latihan & Jabatan Bimbingan	3 tahun (2023 - 2025)
		ii.	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Sumber Manusia & Integriti	5 tahun (2023 - 2027)



BAB 3 : KESIMPULAN DAN PENGHARGAAN

KESIMPULAN

Pembangunan Pelan Antirasuah INSKEN bertujuan untuk menghasilkan pelan yang komprehensif, praktikal dan strategik bagi menunjukkan komitmen INSKEN memerangi salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah di dalam agensi ini. Pelbagai inisiatif dan tindakan yang dirancang di dalam Pelan ini bertujuan untuk membanteras sebarang salah laku yang menjurus kepada kemungkinan berlakunya jenayah rasuah.

Intipati Pelan ini merangkumi 4 strategi utama, serta 50 inisiatif yang telah dikenalpasti sebagai panduan INSKEN dalam pengurusan antirasuah. Ianya juga sejajar dengan usaha merealisasikan hasrat Kerajaan dalam menjadikan perkhidmatan awam di negara ini lebih berintegriti dan bebas rasuah.



Untuk memastikan kelestarian Pelan Antirasuah INSKEN ini, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau dan dikaji secara berkala. Sebarang maklum balas, nasihat serta panduan berterusan akan dibuat supaya selari dengan perubahan semasa dan keperluan strategik negara. Keseluruhan pelaksanaan Pelan OACP ini juga akan diperkukuh oleh prinsip tadbir urus insan. Kejayaan dan keberkesanan Pelan OACP ini bergantung kepada komitmen dan kesepakatan seluruh Pihak Pengurusan dan Warga INSKEN, senario politik negara dan tampuk kepimpinan kerajaan bagi menjadikan organisasi ini mempunyai nilai-nilai governans, integriti dan antirasuah yang berkualiti tinggi secara konsisten.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang terlibat di dalam pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi INSKEN 2023 - 2027.

YBrs. Encik Muhd Firdaus bin Azharuddin
Ketua Pegawai Eksekutif

Puan Roziah binti Mohamed Isa
Pengarah, Perkhidmatan Korporat

Ts. Dr. Izham Naquiddin Shah bin Arif Shah
Pengarah, Program Latihan Keusahawanan

Dr. Maizura binti Mohamad
Pengarah, Program Bimbingan Keusahawanan

Puan Norasiah binti Harun
Pengurus, Pembangunan Latihan

Encik Muhammad Hafizul Khair bin Mohd Yusof
Pengurus, Latihan 1

Encik Fais Azlan bin Che Hamzah
Pengurus, Bimbingan 1

Encik Izaidi Salmy bin Yazid
Pengurus, Bimbingan 2

Encik Rozaimi bin Md Saman
Pengurus, Perolehan dan Kewangan

Puan Azrina Kamalia binti Azhar
Pengurus, Pemasaran dan Perhubungan Awam

Puan Farhana binti Suhaimi
Pengurus, Analisis Data dan Prestasi

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang terlibat di dalam pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi INSKEN 2023 - 2027.

PASUKAN EDITOR

Encik Allan Ron Ambrews

Pengurus, Pembangunan Bimbingan

Encik Muhamad Asyraf bin Mohd Ridhwan

Pengurus, Latihan 2

Puan Nur 'Ain binti Khairol Aidi

Pegawai Kanan Eksekutif, Sumber Manusia & Integriti

Puan Rini Idayu binti Mohamed Pakri

Pegawai Eksekutif Sumber Manusia & Integriti

Puan Nur Izzati binti Mat Yassin

Pegawai Kanan Eksekutif, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Puan Nor Atiqah binti Ismail

Pegawai Kanan Eksekutif, Pemasaran dan Perhubungan Awam

Encik Mohd Faizal bin Mohamed

Pegawai Kanan Eksekutif, Analisis Data dan Prestasi

Encik Nor Izwan bin Norddin

Pegawai Kanan Eksekutif, Kewangan


Puan Fatin Syuhada binti Zainul Adnan


Pegawai Kanan Eksekutif, Perolehan



Sesi bergambar bersama konsultan dari Institut Integriti Malaysia (IIM) bagi Pembangunan OACP INSKEN semasa Sesi Bengkel OACP - Pemurnian pada 14 Julai 2022.









Kampus INSKEN, CoPlace 1, 2270 Jalan Usahawan 2, Cyber 6, 63000 Cyberjaya
E: insken@insken.gov.my T: 03 8314 8800

